

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 27.10.2014

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) markah lulus bagi kertas Bahasa Inggeris SPM; dan
- (b) bilangan dan peratusan pelajar yang gagal dalam kertas Bahasa Inggeris SPM ini, dan bilangan pelajar yang telah gagal dalam kertas Bahasa Inggeris SPM tetapi telah diterima masuk universiti awam dan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai kaedah tertentu yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi penentuan gred markah sempadan (*standard fixing*) untuk menjamin kualiti keputusan semua jenis peperiksaan awam. Dalam menetapkan markah lulus sesuatu mata pelajaran, KPM sentiasa memastikan ianya tidak berganjak daripada piawai yang telah ditetapkan semenjak 1956 apabila Malaysia mula melaksanakan peperiksaan sejak dari Zaman British.

X jawab soalan

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, calon yang gagal dalam kertas Bahasa Inggeris Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013 sebanyak 20 peratus daripada 406,980 calon menduduki peperiksaan tersebut. Kelayakan masuk ke peringkat pengajian tinggi adalah berdasarkan syarat am dan syarat khusus bidang pengajian yang ditawarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **syarat am kemasukan** ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di peringkat diploma tidak mewajibkan lulus dalam Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun, **syarat am kemasukan** ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPTA mewajibkan lulus Malaysian University English Test (MUET) Band 1.

Manakala syarat kelayakan minimum bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) adalah mengikut Standard Program dalam bidang-bidang tertentu dan badan profesional yang berkaitan. Di peringkat Diploma kelulusan bahasa Inggeris merupakan salah satu kelayakan masuk ke dalam bidang kejururawatan, kejuruteraan dan pergigian. Manakala bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda mewajibkan lulus Bahasa Inggeris bagi program perubatan, farmasi, pergigian dan kejuruteraan.